

KERJA-KERJA PELUPUSAN ASET TETAP DI KPTM BANGI

1. TUJUAN

Menjemput pembekal/perkhidmatan yang berkelayakan untuk melaksanakan kerja-kerja pelupusan aset tetap yang rosak/usang/tidak ekonomik untuk dibaiki di Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Bangi.

2. SKOP KERJA

Kontraktor bertanggungjawab untuk :

- i. Mengangkat dan mengeluarkan semua aset yang disenaraikan daripada bangunan/kampus/asrama KPTM Bangi.
- ii. Menyediakan tenaga kerja, peralatan dan kenderaan yang mencukupi.
- iii. Melaksanakan kerja-kerja pelupusan secara selamat, mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa.
- iv. Mengemukakan laporan bergambar sebagai bukti pelupusan telah dilaksanakan.
- v. Mematuhi semua arahan keselamatan dan peraturan kampus semasa kerja dilaksanakan.

3. SENARAI ASET TETAP

- i. Senarai aset akan diberikan secara rasmi semasa lawatan tapak atau dilampirkan bersama dokumen sebutarga. Contoh aset termasuk
- ii. Pendingin Hawa.
- iii. Peralatan IT.
- iv. PA system.
- v. Lain-lain yang diluluskan untuk dilupuskan.

4. KAEDAH BAYARAN / PEMBIDAAN

- i. Sebutarga adalah secara pembelian aset secara pukal (lump sum)
- ii. Bayaran kepada pihak kolej hendaklah dibuat sebelum kerja pelupusan bermula.

**KERJA-KERJA PELUPUSAN HARTA TETAP
DI KPTM BANGI**

BIL.	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	HARGA (RM)
A	KERJA-KERJA PELUPUSAN HARTA TETAP DI KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI.				
1.0	SENARAI ALATAN UNTUK DIJUAL	Pukal	Pukal	Pukal	_____
	1.1 VELCRO POP-UP	1 UNIT			
	1.2 KANOPI PIRAMID	2 UNIT			
	1.3 PENDINGIN HAWA	20 UNIT			
	1.4 HP COLOR LASERJET CP2025	1 UNIT			
	1.5 HP COLOR LASERJET	1 UNIT			
	1.6 PA SYSTEM MIXING AMPLIFIER 120W	1 UNIT			
	1.7 POWER AMPLIFIER-EMIX EMPA 8380 FEATURES	1 UNIT			
	1.8 MESIM SHREDDER -Model GBC Auto	1 UNIT			
	1.9 MESIN SHREDDER	2 UNIT			
	1.10 PRINTER PANASONIC MODEL KX-MB2545CX	1 UNIT			
	1.11 KAUNTER PERPUSTAKAAN CUSTOM	1 UNIT			
2.0	SYARAT-SYARAT AM				
	<ul style="list-style-type: none"> i. Kontraktor perlu hadir ke lawatan tapak. ii. Sebut harga hendaklah merangkumi semua kos berkaitan pelupusan. iii. Kontraktor perlu mengemukakan lesen/kebenaran yang sah bagi menjalankan kerja pelupusan (contohnya lesen e-waste jika berkaitan). iv. Pelupusan hendaklah dibuat di lokasi pelupusan yang diluluskan oleh PBT atau Jabatan Alam Sekitar. 				

No. Sebutharga : KPTM/SH/BG/2026/UPK-060

Tarikh Tutup Iklan : 22 MEI 2026

JAM 12:00 TGH HARI

BIL.	PERKARA	UNIT	KUANTITI	KADAR SEUNIT (RM)	HARGA (RM)
3.0	TEMPOH PELAKSANAAN i. Semua kerja pelupusan hendaklah disiapkan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan surat setuju terima.				
4.0	TEMPOH SAHLAKU SEBUTHARGA i. Semua catatan harga dalam dokumen ini hendaklah sah selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga.				
5.0	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB i. Encik Hanafi awang : 012-932 0196 ii. Encik Malek Ridzuan : 016-448 6986				
6.0	PEGAWAI PENGUASA KOLEJ Pengarah KPTM Bangi				
HARGA TAWARAN BAYARAN KEPADA KPTM					
CUKAI SST%____(JIKA ADA)					
JUMLAH HARGA TAWARAN					

NAMA SYARIKAT & COP :

TANDATANGAN :

NO. PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM) :

NO. TIN (LHDN) :

NAMA PEGAWAI :

NO. TELEFON :

TARIKH :

*Penghantaran sebutharga dengan menggunakan letterhead syarikat beserta cop/mohor syarikat
ADALAH DIWAJIBKAN

NOTA PENTING

1. **Pembekal/ Kualiti Peralatan:**
Semua peralatan sukan yang dibekalkan hendaklah baru, original, dan mematuhi spesifikasi yang dinyatakan dalam dokumen sebutarga.
2. **Kekemasan dan Kebersihan:**
 - a) Pembekal/Syarikat hendaklah memastikan peralatan yang dihantar berada dalam keadaan bersih, bebas dari kerosakan, dan lengkap sebelum penyerahan kepada pihak kolej.
 - b) Sebarang pembungkusan peralatan hendaklah dibuat dengan rapi untuk mengelakkan kerosakan semasa penghantaran.
3. **Keselamatan dan Kawalan:**
 - a) Semasa kerja-kerja penghantaran, pembekal/syarikat hendaklah memastikan semua peralatan dijaga rapi untuk mengelakkan kerosakan akibat kecuaiian, cuaca, atau risiko lain.
 - b) Peralatan yang hilang atau rosak semasa penghantaran adalah tanggungjawab pembekal/syarikat dan hendaklah diganti dengan segera tanpa kos tambahan kepada pihak kolej.
4. **Pemeriksaan dan Pengesahan:**
Peralatan yang dibekalkan hendaklah diperiksa oleh pegawai penguasa kolej sebelum diterima. Sekiranya terdapat peralatan yang tidak mematuhi spesifikasi atau mengalami kerosakan, pembekal/syarikat bertanggungjawab untuk menggantikan peralatan tersebut.
5. **Dokumentasi:**
Pembekal/syarikat hendaklah menyediakan dokumentasi lengkap seperti:
 - a. Manual penggunaan (jika berkaitan).
 - b. Sijil ketulenan atau jaminan (warranty).
 - c. Senarai peralatan yang dihantar.
6. **Langkah Keselamatan:**
Pembekal/Syarikat mestilah memastikan peralatan yang dihantar tidak membahayakan pengguna. Jika peralatan memerlukan pemasangan, pemasangan tersebut hendaklah dijalankan dengan kaedah yang selamat dan dilaksanakan oleh pekerja yang berkeelayakan.
7. **Sisa dan Bahan Buangan:**
Pembekal/Syarikat bertanggungjawab untuk menguruskan dan membuang bahan pembungkusan atau sisa lain yang terhasil daripada kerja penghantaran atau pemasangan di tempat buangan yang dibenarkan oleh PBT.
8. **Jaminan (Warranty):**
 - a) Semua peralatan sukan yang dibekalkan hendaklah dilengkapi dengan jaminan minimum selama 12 bulan (atau mengikut keperluan yang dinyatakan).
 - b) Sebarang kerosakan yang berpunca daripada kegagalan produk dalam tempoh jaminan hendaklah diganti oleh pembekal tanpa kos tambahan.
9. **Pemilihan Sampel (Jika Berkaitan):**
Pembekal/Syarikat yang berjaya hendaklah menghantar sampel peralatan (jika diminta) untuk tujuan pemilihan oleh pegawai penguasa kolej sebelum penghantaran penuh dilakukan.

No. Sebutarga : **KPTM/SH/BG/2026/UPK-060**

Tarikh Tutup Iklan : **22 MEI 2026**

JAM 12:00 TGH HARI

10. Pematuhan Undang-Undang dan Peraturan:

- a) Pembekal/Syarikat hendaklah mematuhi semua peraturan dan garis panduan berkaitan keselamatan, kesihatan, dan mutu peralatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan.
- b) Peralatan yang melibatkan jenama, model, warna, atau reka bentuk khas hendaklah mendapat kelulusan daripada pihak kolej terlebih dahulu.

11. Risiko Kecurian atau Kehilangan:

- a) Pembekal/Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan peralatan yang dihantar atau disimpan sebelum pemasangan berada dalam keadaan selamat.
- b) Sebarang peralatan yang hilang atau dicuri di tapak kerja hendaklah diganti oleh pembekal/syarikat tanpa kos tambahan kepada pihak kolej.

12. Tenaga Kerja Berkemahiran:

Pembekal/Syarikat hendaklah menyediakan tenaga kerja yang kompeten untuk melaksanakan sebarang kerja pemasangan atau ujian ke atas peralatan yang dibekalkan (jika berkaitan).

13. Pematuhan Keselamatan:

Sekiranya kerja penghantaran atau pemasangan melibatkan kawasan awam, pembekal/syarikat hendaklah memastikan langkah keselamatan seperti penutup keselamatan dan lorong berpagar disediakan untuk mengasingkan kawasan bahaya.

SURAT AKUAN PEMBIDA / PETENDER

BAGI

NO. SEBUTHARGA : KPTM/SH/BG/2026/UPK-060

KERJA-KERJA PELUPUSAN ASET TETAP DI KPTM BANGI

Saya, _____ nombor K.P _____ yang mewakili _____ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kolej Poly-Tech MARA** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa* bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kolej Poly-Tech MARA** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan / KPTM yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. K/P :

Cop Syarikat :

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa
(*Lampiran*)

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DAN TIPUAN BIDA DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KPTMSB

Versi Bahasa Kebangsaan

“PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI HARAM ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG ATAU TIPUAN BIDA

- a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain KPTMSB, sekiranya [Syarikat / Kontraktor], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat / Kontraktor] dengan KPTMSB, KPTMSB hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat / Kontraktor] untuk menyatakan sedemikian kepada [Syarikat / Kontraktor].
- b) KPTMSB berhak menuntut daripada [Syarikat / Kontraktor] apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh KPTMSB akibat daripada penamatan itu.
- c) Pihak-pihak bersetuju bahawa [Syarikat / Kontraktor] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu”.

**Klausa penamatan di atas telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP _____)

Cop Syarikat:

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran)

**BORANG PENGISYTIHARAN KENDIRI
KEPATUHAN ANTI-RASUAH (ABMS)**

PENGISYTIHARAN

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa:

1. Syarikat tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan rasuah atau salah laku berkaitan rasuah oleh mana-mana mahkamah atau oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain.
2. Syarikat, pengarah, pemilik, rakan kongsi dan pengurusan tertinggi tidak sedang disiasat, didakwa atau dalam proses perbicaraan bagi kesalahan rasuah.
3. Syarikat mengamalkan prinsip toleransi sifar terhadap rasuah dan komited mematuhi keperluan Anti-Bribery Management System (ABMS) serta undang-undang berkaitan pencegahan rasuah yang berkuat kuasa di Malaysia.
4. Syarikat tidak akan menawarkan, memberi, meminta atau menerima sebarang bentuk suapan, komisen, hadiah, saguhati atau faedah lain yang boleh ditafsirkan sebagai rasuah berkaitan dengan perolehan ini.
5. Syarikat akan memastikan semua pekerja, wakil dan pihak ketiga yang bertindak bagi pihak syarikat mematuhi polisi anti-rasuah.
6. Syarikat bersetuju bahawa sekiranya maklumat yang diberikan adalah palsu, pihak tuan berhak:
 - i. membatalkan sebutarga/tawaran, dan
 - ii. mengambil tindakan sewajarnya.

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
(Nama dan No. KP _____)

Cop Syarikat:

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran)

Cop Syarikat:



VELCRO POP-UP



Tarikh :28/08/25
KANOPI PIRAMID
BG/AP/HTM/KAW/0006/23
BG/AP/HTM/KAW/0005/23



Tarikh :28/08/25
KANOPI PIRAMID
BG/AP/HTM/KAW/0006/23
BG/AP/HTM/KAW/0005/23



MESIN SHREDDER



POWER AMPLIFIER / PA SYSTEM

PRINTER PANASONIC
BG/AP/HTM/PEJ/0171/14

